

# KPT cadang gabung unit IT dan bahagian keselamatan di semua IPT

BATU PAHAT - Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bercadang menggabungkan unit teknologi maklumat (IT) dengan bahagian keselamatan di semua institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datin Paduka Dr Ir Siti Hamisah Tapsir berkata, kedua-dua unit itu seharusnya bergerak seiring dalam menangani kes membabitkan keselamatan di dalam universiti.

"Disebabkan kecanggihan teknologi kini, serangan jenayah berlaku dalam pelbagai cara, termasuklah melalui jenayah siber."

"Ini termasuklah serangan daripada pihak pengganas yang mampu mempengaruhi pemikiran pelajar di IPT melalui media

sosial dan aplikasi tertentu yang mudah dibaca, dilihat serta dimuat turun.

"Kita perlu mencontohi agensi penguat kuasa seperti polis, imigresen dan sebagainya yang kini mempunyai unit IT mereka sendiri untuk mengekang penukaran jenayah melalui siber," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Konvensyen Keselamatan Universiti (KKU) 2017 yang disertai kakitangan bahagian keselamatan di semua universiti awam (UA) seluruh negara dan agensi penguat kuasa seperti polis serta imigresen di Dewan Sultan Ibrahim, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Hadir sama, Prof Dr Wahid Razzaly dan Timbalan Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Superintendant

KS Mender Singh.

Tambah Siti Hamisah, jika sebelum ini aspek keselamatan di IPT hanya membabitkan pergaduhan, penyalahgunaan dadah, kes curi dan sebagainya yang menjadi tugas bahagian keselamatan.

Namun ia berbeza kini apabila keselamatan di IPT turut membabitkan pihak IT termasuklah mengawal kebocoran maklumat di dalam sistem komputer, teknologi intipan seperti 'drone' dan dengan menggunakan aplikasi telefon pintar.

"Sebabbitulahsayamencadangkan pihak IT dan bahagian keselamatan di setiap IPT digabungkan, cadangan ini akan diusulkan dalam masa terdekat untuk perlaksanaannya," katanya.



Siti Hamisah (dua, kiri) dan Wahid (kiri) melihat pelbagai jenis dadah yang dipamerkan oleh Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat yang menjadi 'musuh jenayah fizikal' kepada pelajar di IPT.

